

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
(KLANG)**

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO (KLANG) minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan komitmen antarabangsa di Rio Summit 1992 untuk mengekalkan liputan hutan sebanyak 50% di seluruh negara. Nyatakan liputan hutan termasuk hutan simpanan kekal dan peratusan liputan terkini bagi setiap negeri dan terangkan cara liputan hutan ditentukan dan kualiti pengumpulan data tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keluasan hutan pada tahun 2018 adalah seluas 18,273,487 hektar iaitu bersamaan dengan 55.3 peratus daripada keluasan tanah negara. Sehubungan itu, Malaysia masih mengekalkan litupan kawasan berhutan melebihi 50 peratus selaras dengan komitmen negara semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro pada 1992. Keluasan kawasan berhutan termasuk Hutan Simpanan Kekal (HSK) mengikut negeri adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Keluasan Tanah	Kawasan Berhutan		Kawasan Hutan Simpanan Kekal/ Hutan Simpan	
		Luas (hektar)	Luas (hektar)	%	Luas (hektar)	%
1.	Johor	1,910,200	447,753	23.44	332,749	17.42
2.	Kedah	944,700	342,431	36.25	341,976	36.20
3.	Kelantan	1,510,100	810,415	53.67	613,275	40.61
4.	Melaka	165,200	5,448	3.30	5,199	3.15
5.	Negeri Sembilan	668,600	157,964	23.63	155,549	23.26
6.	Pahang	3,584,000	2,056,695	57.39	1,559,385	43.50
7.	Perak	2,103,800	1,013,479	48.17	988,914	47.00
8.	Perlis	81,800	11,538	14.10	10,615	12.98
9.	Pulau Pinang	103,200	7,752	7.51	5,101	4.94
10.	Selangor	793,100	251,489	31.70	250,210	31.55
11.	Terengganu	1,295,900	651,248	50.25	540,309	41.69
12.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	24,300	2,049	8.43	68	0.28
13.	Wilayah Persekutuan Putrajaya	4,900	-	-	-	-
14.	Wilayah Persekutuan Labuan	9,200	-	-	-	-
Jumlah Semenanjung		13,199,000	5,758,261	43.62	4,803,350⁵	36.39
15.	Sabah	7,390,400	4,767,448.65	64.51	1,907,981.67	25.82
16.	Sarawak	12,445,100	7,747,777.00	62.25	4,209,053.00	33.82
JUMLAH KESELURUHAN		33,034,500	18,273,486.65	55.31	10,920,384.67	33.06

SOALAN NO : 105

2. Pengiraan data hutan adalah melibatkan beberapa elemen, antaranya seperti notis pewartaan bagi HSK dan Kawasan Perlindungan, peta geospatial bagi mengenal pasti sempadan hutan serta maklumat inventori sumber hutan bagi ketiga-tiga wilayah iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang dilaksanakan setiap 10 tahun. Penggunaan teknologi terkini seperti *Geographical Information System (GIS)*, data-data *geospatial* dan imej satelit turut digunakan dalam mengukuhkan cerapan data dan memberi gambaran maklumat yang lebih terperinci.
3. Data-data yang dikumpul ini perlu melalui proses analisis, verifikasi dan pengesahan terperinci oleh pemilik (*custodian*) data daripada ketiga-tiga wilayah iaitu Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Sabah (JPS) dan Jabatan Hutan Sarawak (JHS) sebelum dikemukakan kepada Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) untuk proses semakan dari segi perubahan keluasan, punca dan justifikasi perubahan. Seterusnya, data yang telah disemak ini akan dibentangkan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri dan Mesyuarat Majlis Tanah Negara sebelum dapat diterbitkan di laman sesawang KeTSA sebagai data rasmi nasional.
4. Data hutan merupakan data yang sensitif dan dinamik di mana elemen-elemen seperti perubahan status guna tanah, proses pewartaan keluar dan masuk HSK dan Kawasan Perlindungan, peningkatan keupayaan teknologi dan aplikasi terkini, perubahan ketetapan data rujukan dan data penyelidikan termasuk penetapan dasar baharu yang berlaku di ketiga-tiga wilayah akan memberi kesan kepada peningkatan dan pengurangan data hutan tahunan yang dilaporkan.

Sekian, terima kasih.